



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP PERKUKUH KERJASAMA ERAT BERSAMA KEMENTERIAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN PEGAWAI DAERAH WILAYAH SABAH

KUALA LUMPUR, 13 MAC 2023 – Seramai 48 pegawai dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (MIDS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil Sabah telah diraikan dalam satu Majlis Ramah Mesra bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Kuala Lumpur dalam kerangka memperkasa Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (MPUKPPD).

Program Lawatan Kerja Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil Sabah ke KUSKOP yang berlangsung 13 hingga 14 Mac 2023 ini diisi dengan lawatan dan taklimat KUSKOP bagi berkongsi maklumat dan berinteraksi mengenai peranan serta fungsi utama KUSKOP dalam ekosistem pembangunan dan pemerksaan usahawan, koperasi termasuk penjaja dan peniaga kecil.

Selain itu, lawatan dan taklimat ke agensi-agensi KUSKOP seperti TEKUN Nasional, SKM, SME Corp dan UDA Holdings turut diadakan bagi memberikan informasi secara langsung kemudahan pakej dana bantuan dan

lain-lain yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti usahawan, koperasi, penjaja dan peniaga kecil.

Untuk rekod, KUSKOP telah menubuhkan MPUKPPD di setiap daerah seluruh Malaysia sebagai medium penyaluran informasi dan komunikasi antara usahawan, koperasi, penjaja dan peniaga kecil berkaitan fungsi, peranan dan produk perkhidmatan yang disediakan oleh KUSKOP termasuk agensi-agensi di bawah seliaannya. Majlis ini juga berperanan mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti usahawan termasuk koperasi dalam menjalankan operasi harian dan perniagaan agar dapat diselesaikan di peringkat tempatan dan akar umbi.

MPUKPPD yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah juga akan bertindak sebagai pusat khidmat setempat (OSC) bagi mengemaskini daftar aktif komuniti penjaja dan peniaga kecil selain daripada menyelesaikan permasalahan melibatkan aspek perlesenan, logistik dan juga forum mengenengahkan isu-isu komuniti penjaja dan peniaga kecil berkaitan dasar ke peringkat lebih tinggi.

Program ini dirangka untuk dijalankan secara rintis di 41 daerah-daerah termasuk tiga PBT Wilayah Sabah terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke daerah negeri yang lain. Mesyuarat Majlis ini akan dikelola oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan TEKUN Cawangan Negeri yang bersidang setiap tiga (3) bulan sekali dengan peruntukan sejumlah RM5,000 setahun bagi setiap daerah.

Hadir bersama di Majlis Ramah Mesra malam ini ialah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Norlijah Haji Danin, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

No. Tel: 03-8883 6152

E-mel: ukk@kuskop.gov.my

